

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan
Sidang 1989/90

Jun 1990

FEL 304 Dadah dan Masyarakat

Masa: (2 jam)

Kertas ini mengandungi LIMA soalan.

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

1. (A) Terangkan

- (i) mengapa dependens fizikal merupakan masalah rumit dalam penagihan.
- (ii) kesan-kesan buruk yang dialami oleh penagih-penagih LSD.
- (iii) 'hangover' akibat pengambilan alkohol secara akut dan mengapa ia terjadi.
- (iv) ciri-ciri sindrom withdrawal kanabis berbanding dengan sindrom withdrawal barbiturat.

(16 markah)

- (B) Bincangkan profil penagih pelarut meruap berbanding dengan penagih heroin.

(9 markah)

2. (A) Bincangkan modaliti-modaliti rawatan yang dititikberatkan di negara ini serta sebutkan sejauh mana ia berbeza daripada amalan-amalan di negara-negara lain.

(18 markah)

- (B) Terangkan bagaimana kajian epidemiologi dapat membantu rawatan dan pemulihan serta pencegahan dadah di negara ini.

(7 markah)

3. (A) Huraikan aktiviti-aktiviti yang dianggap penting dalam membasmi penyalahgunaan dadah. Sebutkan contoh-contoh yang telah dapat memberi kesan ke arah usaha tersebut.

(15 markah)

- (B) Bincangkan mengapa kerjasama antarabangsa begitu penting bagi aktiviti pencegahan penyalahgunaan dadah di rantau ini.

(10 markah)

4. (A) Bincangkan

- (i) tanda-tanda yang dapat dilihat pada penagih-penagih morfin.
- (ii) sindrom withdrawal yang mungkin dialami selepas 3 tahun menagih morfin.
- (iii) prinsip dan tujuan di sebalik menggunakan metadon untuk penagih morfin.
- (iv) status penagihan morfin di negara ini.
- (v) kelebihan heroin berbanding dengan morfin.

(15 markah)

- (B) Penggunaan dan penyalahgunaan dadah bergantung kepada konteks dan penerimaan sesebuah masyarakat. Bincangkan pernyataan ini.

(10 markah)

5. (A) Terangkan bagaimana Akta Dadah Berbahaya (Rawatan dan Pemulihan) telah dapat memberi faedah kepada aktiviti mencegah penyalahgunaan dadah. Huraikan prinsip dan tujuan di sebalik Akta ini.

(15 markah)

- (B) Bincangkan ciri-ciri penyalahgunaan kanabis. Terangkan profil pengguna, ketenatan masalah di negara ini serta implikasinya.

(10 markah)

-ooOoo-